



SEORANG penerbit rancangan dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur untuk permohonan reman, semalam.

Ditahan kemuka tuntutan palsu RM300k

Kuala Lumpur: Seorang penerbit rancangan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki mengemukakan tuntutan palsu lebih RM300,000.

Difahamkan, wanita yang berusia 40 tahun itu ditahan selepas hadir untuk memberikan keterangan di Pejabat SPRM Kuala Lumpur di sini, pada jam 8 kel-

marin.

Suspek bertugas sebagai penerbit rancangan sebuah agensi penyiaran dipercayai mengemukakan tuntutan yang mengandungi butir matan palsu bagi tiga rancangan dokumentari berjumlah lebih RM300,000.

Tuntutan terbabit di-

percayai dibuat suspek pada 2017 dan 2018 sedangkan rancangan berkenaan tidak dilaksanakan.

Berikutan itu, suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur

Kemuka tuntutan mengandungi butir matan palsu bagi tiga rancangan dokumentari

untuk permohonan reman,

semalam.

Majistret Nur Farahain Roslan membenarkan suspek direman empat hari sehingga Jumaat ini bagi membantu siasatan lanjut.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Razaliah Ab Rahman mengesahkan penahanan suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 18, Akta SPRM 2009.